

07 FEB 1998

PAKAR-PAKAR IT AKAN BINCANG PERKEMBANGAN MSC DI KOMPLEKS CYBERJAYA

Oleh: Jefri Mohd Rafiee

CYBERJAYA, 7 Feb (Bernama) -- Selama dua hari berturut-turut bermula pada 12 Feb hingga 13 Feb, pakar-pakar teknologi maklumat (IT) serta ketua-ketua industri terkemuka akan bertemu di pusat peranginan yang baru dibina di sini di mana suatu ketika dahulu adalah sebuah kawasan ladang kelapa sawit yang subur.

Perbincangan dan cadangan-cadangan mereka di dalam mesyuarat itu akan digunakan untuk membantu merangka strategi bagi pembangunan seterusnya Koridor Raya Multimedia (MSC), projek paling utama bagi meningkatkan kemajuan Malaysia dalam dunia IT.

Kompleks peranginan dan pejabat itu dibina dengan kos RM65 juta di atas tanah bekas ladang seluas 11.2 hektar, di mana sebahagian daripada 2,855 hektar telah diperuntukkan kepada pembangunan bandar Cyberjaya.

Kompleks itu yang dibina hanya dalam tempoh 90 hari, terletak di barat Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan.

Mesyuarat pakar-pakar IT itu adalah yang kedua di adakan di bawah naungan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Mesyuarat secara rasmi diadakan di Stanford di Amerika Syarikat awal tahun lalu selepas pelancaran MSC.

IAP, yang terdiri daripada ketua-ketua industri terkemuka akan menasihatkan kerajaan berhubung pembangunan MSC.

Dr Muhammad Ghazie Ismail, pengarah bagi perkhidmatan pelanggan Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) berkata ketika pembentukan IAP, MSC baru sahaja dilancarkan dan terdapat beberapa kebimbangan terdapat daya maju projek itu.

Antaranya termasuklah persoalan mengenai kepakaran serta persaingan dengan projek seumpama itu oleh kerajaan-kerajaan lain.

"Kali ini, mesyuarat akan lebih bermakna," katanya dengan penuh keyakinan dalam satu wawancara dengan Bernama baru-baru ini.

"Ketika itu, bangunan ini (merujuk kepada pemindahan kompleks pejabat) bukan di sini. Bermula tahun lalu, pembangunan berlaku begitu pantas," katanya merujuk kepada pembangunan Cyberjaya.

Kompleks peranginan dan pejabat itu yang menempatkan ibu pejabat MDC dan Cyberview Lodge setinggi dua tingkat dengan 48 bilik, juga mempunyai prasarana telekomunikasi kelajuan tinggi bagi persidangan video, malahan ia mempunyai sebuah dewan tari menari yang boleh menampung sehingga 300 orang dan sebuah kolam renang.

Walaupun ia agak kecil daripada segi skala dan terletak di kawasan terpencil kira-kira 30 minit perjalanan dari Kuala Lumpur, kompleks itu bermula daripada sekarang akan menjadi pusat mesyuarat penting memandangkan ia terletak berhampiran dengan Putrajaya, Cyberjaya dan lapangan terbang antarabangsa baru di Sepang.

Setakat ini 15 anggota IAP telah mengesahkan kehadiran mereka. Antaranya termasuklah Kenichi Ohmae daripada Ohmae & Associates, Gary Tooker daripada Motorola Inc, Jun-Ichiro Miyazu daripada NTT, Dr Tadahiro Sekimoto daripada NEC, Jim Manzi daripada Nets Inc, Dr Lars Ramqvist daripada Ericsson dan Professor William Miller daripada Stanford University.

Anggota panel lain menghantar wakil masing-masing. Antaranya termasuk Dr John Gage yang akan mewakili Scott McNeally daripada Sun Microsystems, George Samenuk, mewakili Louis Gerstner Jr daripada IBM, Derek Williams, mewakili Larry Ellison daripada Oracle Corp dan Axel Hass mewakili Dr

Heinrich von Pierer daripada Siemens Corp.

"Mereka semua akan menginap di sini (di kompleks itu)," kata Dr Muhammad hazie.

Perkara pertama dalam agenda adalah laporan terkini kepada anggota panel berhubung pembangunan MSC sejak kali terakhir mereka bertemu.

Mereka juga akan dibawa menaiki helikopter untuk menyaksikan pemandangan menyeluruh daripada udara kawasan MSC, pusat kegiatan pembangunan multimedia seluas 15 kali 50 km yang terletak di antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Empat syarikat telah dipilih untuk memberi taklimat ringkas kepada anggota panel mengenai pengalaman mereka mengendalikan syarikat MSC dan bagaimana mereka mendapat faedah daripada MSC.

Sehingga kini sejumlah 103 syarikat telah diberikan status MSC dengan 80 daripada mereka telah beroperasi dan 23 dalam proses menubuhkan operasi mereka.

"Kami mahu menyampaikan kepada anggota IT bahawa MSC bukan lagi hanya sekadar satu konsep, tetapi ia adalah realiti dan sedang dilaksanakan, syarikat-syarikat MSC sedang beroperasi dan malahan sebahagian daripadanya telah pun bergerak melangkaui daripada jadual mereka sendiri," Dr Muhammad Ghazie.

Mereka juga akan membincangkan mengenai isu-isu global termasuk kemungkinan membentuk Mahkamah Keadilan Siber Antarabangsa.

"Kini anda mempunyai Undang-Undang Siber. Persoalannya adalah apakah jenis mekanisme yang diperlukan untuk menguat kuasakan Undang-Undang Siber," kata Dr Muhammad Ghazie.

Turut menjadi agenda penting adalah isu-isu penguatkuasaan Akta Tandatangani Digital, yang diluluskan oleh Parlimena tahun lalu dan cadangan Akta Pemusatan Multimedia, yang kemungkinan akan dibentangkan di Parliament tahun ini.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan mengenai isu seperti perdagangan elektronik, keselamatan, isu-isu platform biasa dalam permohonan kad pintar, isi pembangunan yang termasuk kurikulum bagi universiti dan pos-produksi industri filem serta kesan-kesan sosial daripada internet termasuk isu penapisan.

Dr Muhammad Ghazie berkata isu-isu yang akan dibangkitkan dalam mesyuarat kedua IAP mestilah diselesaikan jika mahu membawa MSC ke arah yang tahap yang lebih tinggi.

Pada penghujung mesyuarat itu, anggota panel akan ditanya sama ada "kita sedang bergerak menuju ke arah yang betul daripada segi pembangunan sumber manusia, prasarana fizikal, kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), modal teroka dan yang lain-lain."

"Mereka kemudiannya akan membuat perakuan dan ia akan membentuk asas-asas di mana kami akan bergerak. Sejak mesyuarat pertama IAP dahulu, kami kini tahu dengan beberapa tahap keyakinan, isu-isu itu akan timbul sendiri bagi tempoh jangka panjang," Dr Muhammad Ghazie. -- BERNAMA

JR ZK OS